



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Rujukan kami : KKM.600-29/4/150 (9)

Tarikh : / September 2021

PIHAK YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PEMBELIAN VAKSIN COVID-19 OLEH KERAJAAN NEGERI DAN PIHAK SWASTA

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) Bil.17 bertarikh 13 September 2021 telah bersetuju agar kerajaan negeri dan pihak swasta dibenarkan untuk melaksanakan pembelian vaksin COVID-19 tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai usaha mempercepatkan pelaksanaan imunisasi COVID-19 di negara ini.
3. Justeru, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pembelian Vaksin COVID-19 oleh kerajaan negeri dan pihak swasta sebagai rujukan dan panduan berkuatkuasa daripada tarikh surat ini dikeluarkan. Sukacita juga diingatkan supaya pembelian vaksin COVID-19 perlu mematuhi prosedur, terma dan syarat yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.
4. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa **jenis vaksin yang dibenarkan untuk pasaran swasta pada masa ini adalah vaksin CoronaVac dan Covilo**. Sebarang perubahan berhubung perkara ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Sebagai makluman lanjut, vaksin COVID-19 yang telah dibeli oleh kerajaan negeri dan pihak swasta **hanya boleh digunakan di fasiliti pemberian vaksin yang telah disenaraikan dalam permohonan dan tidak boleh dijual kepada entiti atau syarikat lain**.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/ puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k:

1. Ketua Pengarah Kesihatan
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
5. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi